

04/06/2001

Ali Abul Hassan disebut bakal Menteri Kewangan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Daud Awang; Mona Ahmad  
KUALA LUMPUR, Ahad - Seorang lagi tokoh ekonomi yang disebut-sebut menggantikan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, ialah bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Ali Abul Hassan, 60, adalah seorang daripada dua penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang baru dilantik April lalu.

Sumber-sumber Kementerian Kewangan memberitahu, Ali Abul Hassan menjadi pilihan bukan saja kerana beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi malah kerana beliau bukan seorang ahli politik.

Ali Abul Hassan mula menyertai perkhidmatan awam di Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU).

Ketika di EPU, beliau memegang jawatan Ketua Pengarah EPU sebelum dilantik menjadi Gabenor Bank Negara dan ketika di Perbendaharaan, beliau memegang jawatan Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Ketua Bahagian Cukai selama lima tahun.

Ali Abul Hassan turut menerajui jawatankuasa yang menggariskan semua Rancangan Lima Tahun Malaysia iaitu dua pelan induk perindustrian dan dua pelan perspektif jangka panjang.

Berkelulusan dalam bidang ekonomi dari Universiti Malaya (UM), Ali Abul Hassan melanjutkan pengajian dalam bidang pembangunan ekonomi di Universiti Wisconsin, Amerika Syarikat.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu mempunyai seorang isteri dan tiga anak.

Selain Ali Abul Hassan, nama lain yang disebut-sebut bagi mengisi portfolio itu ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Zeti, 52, adalah wanita pertama dilantik mengetuai Bank Negara, menggantikan Ali Abul Hassan.

Zeti dan Ali Abul Hassan dikatakan calon utama bagi mengisi jawatan itu berikutan ura-ura Dr Mahathir mahu seorang bukan ahli politik mengetuai Perbendaharaan.

Sementara itu, sumber dari Johor memberitahu, Abdul Ghani adalah antara nama yang disebut-sebut mengisi kekosongan jawatan itu kerana pernah berkhidmat di bawah Daim sebagai Timbalan Menteri Kewangan selama 10 bulan pada 1990.

Sumber itu berkata, Abdul Ghani dijangka mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Serom dan dilantik sebagai senator, manakala jawatannya dikatakan akan diisi oleh Mufti Johor, Datuk Nooh Gadot.

Nooh, 55, anak kelahiran Segamat dikatakan akan bertanding di Senom sebelum mengambil alih tampuk kerajaan negeri.

Menurut sumber, pelantikan Nooh mendapat perkenaan Sultan Johor, ekoran pertemuan dengan Dr Mahathir di Bukit Serene, baru-baru ini.

Selain itu, Daim sebelum meletakkan jawatan kelmarin, turut menghadap Sultan Johor di istana yang sama bagi memaklumkan mengenai kedudukannya dalam Kabinet.

Semalam, Dr Mahathir mengesahkan Daim, 62, menyerahkan surat peletakan jawatannya berkuat kuasa 1 Jun lalu tanpa memberikan sebarang sebab.

(END)